

NOVEL SEJARAH



# AWANG KEMBARA MENGELILINGI DUNIA

KAMALUDIN ABDUL SETTAR

3  
Sayembara Menulis  
Novel Sejarah untuk  
Remaja DBP-PSM  
2015



PERSATUAN  
SEJARAH  
MALAYSIA





# 3



## Musibah di Maghribi

Maghribi merupakan negara yang amat indah di benua Afrika. Meskipun daratannya diselubungi gurun dan gunung, sebahagian besarnya kering dan tandus namun keindahannya sekiranya dibandingkan dengan negara Afrika yang lain tidak boleh dinafikan. Orang Portugis memanggilnya 'Marrocos' dan merupakan antara negara pertama yang dijajah oleh Portugis dalam perlumbaan mereka dengan Sepanyol untuk mengembangkan pengaruh dan kuasa mereka. Penjajahan mereka ditentang hebat oleh penduduk Maghribi. Penjajahan mereka hanya terbatas di kawasan pantai dan beberapa bandar sahaja kerana mereka kurang faham dengan keadaan muka bumi yang bergurun dan bergunung-ganang itu.

Setelah meninggalkan India, Magellan ditugaskan untuk berkhidmat dengan sepasukan kecil tentera yang antara tugas mereka adalah untuk memastikan

## AWANG KEMBARA MENGELILINGI DUNIA

tanah jajahan Portugis tidak digugat oleh Raja Maghribi yang sentiasa mencari peluang untuk menyerang dan merampas kembali maruah mereka yang tergadai. Awang dapat melihat kekecewaan pada wajah Magellan apabila diserahkan tugas ini.

Ketika di India, Magellan membayangkan tugas yang berikutnya daripada Raja Portugis seharusnya lebih baik memandangkan jasanya berkhidmat di kapal yang menyerang Melaka dan khidmatnya yang cemerlang di India. Awang sedikit kehairanan apabila Magellan dihantar ke negara yang sekiranya dibandingkan dengan India bukanlah tugas yang lebih baik. Namun dia hanya mendiamkan diri dan mengikut Magellan ke mana sahaja dia belayar.

Awang tidak mengerti yang Magellan kini tidak lagi diterima di istana raja Portugis sebagaimana sebelum dia dihantar untuk menyertai armada Alfonso de Albuquerque ke India. Ketika itu penaungnya, Raja John masih hidup dan mengakui Magellan dan ayahnya banyak berjasa kepada istana. Raja yang menggantikan Raja John, Raja Manuel tidak menghiraukan Magellan. Malah ketika Magellan pulang dari Goa bersama Awang, Raja Manuel langsung tidak menunjukkan sebarang keinginan untuk menyambung khidmat Magellan. Setelah dirayu barulah diserahkan tugas ini. Dengan keazaman untuk mengagumkan raja yang baru itu dan menaikkan reputasinya kembali, Magellan menerima tugas itu tanpa berfikir panjang.

Hubungan Awang dengan Magellan semakin rapat ketika di Maghribi, namun Magellan amat faham Awang

akan membencinya apabila melihat kesungguhannya memerangi bangsa Moor. Dia sanggup menunggang kudanya berhari-hari mencari tempat persembunyian pejuang kebebasan negara itu untuk diperanginya. Dia melakukan lebih daripada mana-mana pegawai lain yang diserahkan tugas yang sama. Semuanya untuk meraih kekaguman dan penghormatan Raja Manuel. Dia amat bimbang Awang akan bersimpati dan bersatu hati dengan musuhnya, malah mungkin akan berpaling tадah untuk menentangnya pula. Untuk mengelakkan ini daripada berlaku, ketika dia keluar untuk berkhidmat dengan tenteranya, Awang akan ditinggalkan untuk melakukan apa sahaja yang disukainya.

Awang gembira dengan keadaan ini dan akan menyusuri pasar-pasar di bandar Azamor sambil mempelajari bahasa dan budaya bangsa tersebut. Tidak dicap sebagai orang Portugis kerana kulitnya yang jauh lebih gelap memberikannya banyak kelebihan. Sekiranya orang Portugis yang berjalan seorang diri di pasar-pasar tersebut, pasti akan dicekup dan dibunuh oleh bangsa Moor. Meskipun atas permintaan Magellan ketika mereka di Lisbon, Awang mula menggunakan nama Enrique, namun di sini namanya itu dilupakan. Hanya Magellan yang masih memanggilnya dengan nama tersebut.

Pasar-pasar di sini mengingatkan Awang akan pasar-pasar di Goa. Sebagaimana pasar-pasar di Goa agak sibuk dengan kumpulan manusia dari pelbagai benua dengan barang dagangan mereka dan pelbagai

bahasa dituturkan tetapi ketegangan antara setiap yang menghuni pasar tersebut masih boleh dirasakan. Awang di Goa hanya beberapa bulan, tetapi dia cukup faham akan sejarah hitam yang terpalit dalam catatan sejarah apabila Goa dijajah oleh dan rakyat dipijak untuk tunduk kepada Portugis. Walaupun mereka berniaga dengan tenang namun gelora hebat di dada mereka membakar dengan dendam yang menjulang tinggi. Sekiranya berlaku sesuatu di pasar ini pasti seluruh pasar ini akan merusuh.

“Enrique! Enrique!” Awang segera berpaling ke halaman rumahnya. Cemas suara Magellan amat jelas kedengaran. Melihat Magellan berjalan terhuyung-hayang dengan memegang kakinya, Awang segera bergegas menyambut tuannya, yang kini sudah seperti sahabat karibnya.

“Apa yang berlaku,” tanya Awang setelah meletakkan Magellan di salah satu kerusi di ruangan depan rumah mereka. Kakinya diangkat dan diletakkan ke sebuah bangku kecil.

“Kami menyerang puak yang enggan membayar cukai. Namun mereka terlalu ramai dan amat kuat mengasak kami. Kuda tua aku pun mati disembelih mereka,” ujar Magellan sambil mengerang kuat. Darah membuak-buak dari luka di kakinya itu.

Awang terdiam, perasaannya berbaur antara gembira dan sedih. Gembira kerana pada hakikatnya tentera Portugis ini tidak sehebat mana dan masih boleh dikalahkan oleh bangsa yang melawan mereka dengan kelengkapan yang kurang sempurna. Hal ini

KAMALUDIN ABDUL SETTAR

secara tidak langsung meyakinkan Awang bahawa orang Melaka pasti mampu untuk membebaskan negara mereka daripada penjajahan Portugis. Awang amat yakin Sultan Mahmud Shah dan saki-baki pahlawan Melaka tidak akan berputus asa untuk melakukannya dan hanya akan berhenti apabila mencapai kejayaan. Cuma yang menyedihkannya ialah kecederaan yang berlaku adalah terhadap satu-satunya sahabat yang dimilikinya. Dia akan kehilangan punca sekiranya apa-apa berlaku kepada sahabatnya itu.